

## **TERMA-TERMA & SYARAT-SYARAT PENAMBAHBAIKAN PROGRAM BANTUAN BERSASAR CIMB UNTUK PELANGGAN PEMBIAYAAN AUTO**

---

### **Terma-Terma Am**

- A. Terma-terma dan syarat-syarat berikut hendaklah terpakai bagi Penambahbaikan Program Bantuan Bersasar CIMB (“**Program**”) yang boleh didapati dari 1 Jun 2021 sehingga 31 Disember 2021 kepada peminjam/pelanggan individu yang mempunyai Pembiayaan Auto (“**Kemudahan**”) yang masih dibayar (tidak tertunggak melebihi 90 hari) setakat tarikh permohonan Program dan:
- (i) adalah dalam kategori B40 dan didaftarkan dalam pangkalan data *Bantuan Sara Hidup* (BSH) atau *Bantuan Prihatin Rakyat* (BPR); dan
  - (ii) adalah dari isi rumah B40 (dengan pendapatan bulanan kurang atau sama dengan RM4,000); atau tunggal B40 (dengan pendapatan bulanan kurang atau sama dengan RM2,000)
- B. Bank merujuk kepada CIMB Bank Berhad atau CIMB Islamic Bank Berhad, sebagai institusi kewangan yang memberikan Kemudahan kepada anda.
- C. Anda hanya boleh membuat satu pilihan daripada dua (2) pilihan di bawah dan setelah pilihan anda dibuat, ia tidak boleh diubah.
- D. Tarikh Matang Kemudahan anda akan dilanjutkan selama tiga (3) bulan.
- E. Hak Bank dan kewajipan sedia ada anda dalam perjanjian anda untuk terus membuat pembayaran ansuran bulanan selebihnya menjelang tarikh yang dipersetujui tidak akan terjejas. Terma-terma lain perjanjian anda juga akan terus kekal terpakai.
- F. Tanpa perjudis terhadap terma-terma lain Program, anda hendaklah memaklumkan penjamin anda (jika ada) berkenaan penerimaan anda terhadap terma-terma dan syarat-syarat ini untuk memastikan supaya penjamin tersebut sedar akan terma-terma dan syarat-syarat tersebut dan penerimaan anda terhadapnya.
- G. Jika kadar faedah/keuntungan/caj terma atas Kemudahan anda adalah terikat kepada Kadar Pinjaman Asas (“**BLR**”)/Kadar Pembiayaan Asas (“**BFR**”) Bank yang tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa seperti yang dipaparkan di cawangan Bank dan/atau dipaparkan di laman web Bank, satu notifikasi akan dihantar kepada anda berkenaan jumlah ansuran bulanan yang telah disemak semula.

### **Syarat Khusus untuk Pilihan 1: Penangguhan Ansuran 3 Bulan**

1. Bank akan memberi kelonggaran kepada anda untuk menangguhkan ansuran selama 3 bulan (“**Ansuran Ditangguhkan**”) bermula dari bulan sejeurus selepas pengesahan penyertaan anda dalam Pilihan 1 Program ini (“**Tempoh Penangguhan Ansuran 3 Bulan**”) yang akan dimaklumkan kepada anda.
2. Ini bermaksud tiada bayaran perlu dibuat semasa Tempoh Penangguhan Ansuran 3 Bulan.
3. Ansuran Ditangguhkan perlu dibayar dalam masa tiga (3) bulan sejeurus selepas berakhirnya tempoh Kemudahan sedia ada anda dan ia akan bermula dari bulan selepas berakhirnya tempoh Kemudahan sedia ada anda.
4. Anda dikehendaki untuk meneruskan bayaran ansuran bulanan anda selepas berakhirnya Tempoh Penangguhan Ansuran 3 Bulan anda. Jumlah ansuran bulanan dan tarikh perlu dibayar kekal sama.
5. Anda mungkin perlu membayar jumlah pembayaran akhir yang lebih tinggi yang mungkin termasuk bayaran ansuran terakhir anda.
6. Pemindahan Dana Automatik CIMB yang ditugaskan ke akaun Kemudahan akan dihentikan semasa Tempoh Penangguhan Ansuran 3 Bulan. Sekiranya terdapat sebarang arahan tetap bagi akaun Kemudahan, anda perlu mengemas kini arahan tetap anda dengan sewajarnya.
7. Bagi Kemudahan kadar tetap, tiada faedah/keuntungan/caj terma tambahan akan dikenakan. Bagi Kemudahan kadar boleh ubah, faedah/keuntungan/caj terma akan terus terakru semasa Tempoh Penangguhan Ansuran 3 Bulan dan perlu dibayar semasa penyelesaian akaun anda, yang mana jumlah tersebut tidak akan melebihi jumlah caj terma seperti yang dinyatakan di dalam perjanjian anda.

### **Syarat Khusus untuk Pilihan 2: Pengurangan Ansuran 50% Selama 6 Bulan**

1. Bank akan memberi kelonggaran kepada anda untuk membayar 50% ansuran bulanan anda (“**Ansuran Dikurangkan**”) selama 6 bulan (“**Tempoh Pengurangan Ansuran**”) bermula dari bulan sejeurus selepas pengesahan penyertaan anda dalam Pilihan 2 Program ini yang akan dimaklumkan kepada anda.
2. Ini bermaksud anda hanya perlu membayar 50% jumlah ansuran semasa anda semasa Tempoh Pengurangan Ansuran.
3. Ansuran Dikurangkan yang dibayar semasa Tempoh Pengurangan Ansuran akan terlebih dahulu diguna pakai untuk membayar faedah/keuntungan/caj terma bagi bulan tersebut, dan seterusnya ke atas baki prinsipal.

4. Anda hendaklah meneruskan bayaran penuh ansuran bulanan anda pada akhir Tempoh Pengurangan Ansuran anda. Jumlah ansuran bulanan dan tarikh perlu dibayar kekal sama.
5. Anda mungkin perlu membayar jumlah pembayaran akhir yang lebih tinggi yang mungkin termasuk pembayaran ansuran terakhir anda.
6. Pemindahan Dana Automatik CIMB yang ditugaskan ke akaun Kemudahan akan dihentikan semasa Tempoh Pengurangan Ansuran. Anda diminta untuk membuat bayaran ansuran yang dikurangkan semasa Tempoh Pengurangan Ansuran ini. Sekiranya terdapat sebarang arahan tetap bagi akaun Kemudahan, anda perlu mengemas kini arahan tetap anda dengan sewajarnya.
7. Bagi Kemudahan kadar tetap, tiada faedah/keuntungan/caj terma tambahan akan dikenakan. Bagi Kemudahan kadar boleh ubah, faedah/keuntungan/caj terma tidak akan melebihi jumlah caj terma seperti yang dinyatakan dalam perjanjian anda.